

### **Media Monitoring**

Publication: **Berita Minggu – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **2 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Gilmour mara ke final**

### **Gilmour mara ke final**

**Oleh Hamid Salleh**

#### **Dia akan berentap dengan anak didiknya, Ian Williams**

JUARA musim 2005, Datuk Peter Gilmour, 47, layak ke peringkat akhir kejohanan Piala Monsun 2007 dan bakal bertemu dengan anak didiknya, Ian Williams bagi menentukan kejuaraan, petang ini.

Gilmour yang berpengalaman dalam pelayaran selama 40 tahun dan empat kali menjuarai Piala Dunia, mengakui perlawanan akhir yang berlangsung di Teluk Warisan, Pulau Duyong, Kuala Terengganu pasti akan sengit kerana masing-masing mempunyai kelebihan sendiri.

"Saya mengakui Williams seorang pelayar muda yang hebat dan banyak menuntut ilmu daripada saya mengenai pelayaran sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun, Gilmour yakin pasukannya, PST dapat menewaskan pasukan Pindar dari England yang dikemudi Williams yang berjaya menyingkirkan pasukan Shohloza dari Itali di separuh akhir.

"Saya sememangnya meletakkan sasaran untuk ke final, sekali gus menjuarai kejohanan ini bagi menebus kekalahan musim lalu," katanya.

Williams pula tetap merendah diri dan menghormati gurunya, Gilmour yang mempunyai banyak pengalaman dalam pelayaran.

"Saya akan mencuba yang terbaik dan jika dapat menewaskan Gilmour, ia adalah hadiah paling berharga bagi saya dan krew," katanya.

Pada peringkat suku akhir, PST terpaksa bersaing hebat kerana mendapat tentangan dari pasukan Blackmatch Racing dikemudi Adam Minoprio sehingga terpaksa mengadakan perlawanan dua pusingan untuk menentukan pemenang.

Gilmour hanya menang dengan kiraan satu mata saja selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 sama.

Di separuh akhir, PST menyingkirkan Apport.Net untuk mengesahkan tempat di peringkat akhir.